

# Pengganti



### **Cetakan 2017**

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1614-8

### **Diterbitkan oleh:**

Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura  
Lelaman Internet: [www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg](http://www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg)



### **Dicetak pada tahun 2017 oleh:**

Oxford Graphic Printers Pte Ltd  
Tel: 6748 3898  
[www.oxfordgraphic.com.sg](http://www.oxfordgraphic.com.sg)

### **Penulis**

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura  
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng  
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus  
Marliana Mohamed Rashid, Sekolah Rendah Telok Kurau  
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

### **Catatan**

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

## **Sekapur Sirih**

**Benih** merupakan koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau Indonesia pada tahun 2016. Cerpen-cerpen dihasilkan bagi menggalakkan murid agar minat membaca khususnya dalam kalangan murid Darjah 5 dan 6.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, murid mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata, dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa murid yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata murid dengan memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Benih** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan murid.

Selamat membaca!

### **Mohamed Noh Daipi**

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura

## Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada bulan Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan murid.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran murid tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dan dipersembahkan dalam bentuk cerpen ini termasuklah tema persahabatan, kejujuran, perjuangan, berbuat baik, sikap tidak berputus asa dan kesetiaan.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan murid-murid kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi murid.

Rahmat Subadah  
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Benih**

# PENGGANTI

Khaziah Yem

“**B**aiklah, anak-anak. Kita akhiri pelajaran kita pada hari ini. Minggu hadapan jangan lupa datang ya.”

Pak Suratman memang menyayangi kanak-kanak. Tuter katanya sungguh sopan. Pak Suratman telah lama **menceburkan** diri dalam seni lukisan batik. Dia telah mempelajarinya daripada bapanya yang berasal dari Pekanbaru, Riau, Indonesia.

Sebagai usaha untuk memupuk cinta pada lukisan batik, dia telah mengadakan kelas lukisan batik untuk awam. Sambutan yang diterima amat baik sekali. Ramai ibu bapa yang membenarkan anak-anak mereka belajar membatik di rumah Pak Suratman. Pak Suratman

bersyukur kerana anak-anak itu nanti bakal melanjutkan perjuangannya kelak. Dia pasti tradisi warisan nenek moyangnya tidak akan **pupus** ditelan zaman.

Seperti biasa, habis sahaja kelas petang, Pak Suratman akan membersihkan halaman rumahnya. Bahagian tepi rumahnya telah dijadikan **bangsai** untuk melatih anak-anak melukis, mencanting, mewarna dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan lukisan batik.



Semasa melakukan rutin hariannya, tiba-tiba Pak Suratman terpandang **kelibat** seorang yang sedang memerhatikannya. Beberapa hari seterusnya, dia ternampak lagi. Begitulah seterusnya hingga pada suatu hari, dia **menerjah** budak itu.

Budak itu panik. Dia cuba melarikan diri tetapi dapat ditangkap oleh Pak Suratman. Pak Suratman membawanya ke halaman rumah.

Namanya Ahmad, berumur dua belas tahun. Sejak kecil, Ahmad memang meminati seni lukisan. Ahmad ternampak anak-anak jirannya menunjukkan lukisan batik yang telah mereka buat. Dia ingin belajar tetapi keluarganya tidak mampu untuk membayar yuran kelas membatik.

Pak Suratman berasa terharu mendengar cerita Ahmad. **Ketulusan** Ahmad membuatnya insaf. Selama ini dia telah menetapkan kadar bayaran minimum kepada anak-anak yang diajarnya. Tidak terfikir pula olehnya

untuk mengajar secara percuma kepada anak-anak yang tidak berkemampuan.

Ahmad memberinya satu idea untuk menyumbang kepada masyarakat.

“Mengapa Pak Suratman masih mengajar melukis batik? Saya lihat ramai orang kurang berminat memakai batik lagi.”

Pak Suratman tersenyum mendengar pertanyaan Ahmad.

“Memang benar batik kurang diminati dalam kalangan masyarakat Melayu sekarang ini. Namun begitu, kalau kita tidak pelajari, **warisan** ini akan hilang dan dilupakan.”

“Saya lihat memang susah hendak menyediakan lukisan batik. Ia memakan masa yang lama,” kata Ahmad.

“Betul. Lukisan batik memerlukan masa yang agak lama untuk disiapkan. Pernah dengar pepatah alah bisa tegal biasa? Kalau belum mahir, memanglah susah tetapi kalau sudah mahir, lain ceritanya.” Pak Suratman ketawa berdekah-dekah.



Sejak hari itu, Ahmad menjadi pelajar Pak Suratman. Dia belajar dengan tekun. Ahmad begitu kagum dengan kebijaksanaan orang-orang Melayu menjadikan sumber alam sebagai idea dalam karya-karya mereka.


Ahmad juga belajar tentang falsafah di sebalik corak-corak flora dan fauna yang digunakan. Ahmad belajar mengenai corak pucuk rebung, taburan tampuk manggis, kelopak jambu air dan lebah bergayut. Setiap corak itu ada nilai atau falsafah di sebaliknya. Misalnya tampuk manggis itu mencerminkan kejujuran. Oleh kerana ada nama-nama flora dan fauna yang disebut itu tidak pernah didengari oleh Ahmad, dia telah ke perpustakaan untuk melakukan kajian.

Pak Suratman terkenang perbualannya dahulu dengan anaknya, Sasman.

“Sasman, bapak rasa sudah masanya kamu belajar seni melukis batik ini. Abang-abang kamu telah memilih jurusan lain. Kamu seoranglah harapan bapak. Bapak sudah tua. Bapak takut dengan terkuburnya bapak nanti, maka terkuburnya juga seni warisan ini.” Sayu sahaja bunyi nada suara Pak Suratman ketika duduk berehat di ruang tamu rumahnya.

“Pak, bukan Sasman hendak memperlekehkan usaha bapak tetapi minat Sasman bukan ke situ. Lukisan batik lecehlah, Pak. Mana hendak mencanting, berpanas dengan lilin dan selepas itu mewarnakannya. Aduh, susah sangatlah, Pak!”

“Proses melukis batik memerlukan kesabaran dan ketekunan. Kalau setakat seni lukis yang kamu usahakan itu, ramai yang boleh melakukannya. Kamu sepatutnya rasa beruntung mempunyai bapa yang mempunyai kemahiran ini. ” Suara Pak Suratman penuh dengan kekecewaan.



“Bapak, maafkan saya. Kalau minat itu tidak timbul, haruskah dipaksa-paksa?”

Sebak dan hiba sekali hatinya apabila perjuangannya bakal menuju ke garisan penamat. Oleh kerana itulah, dia tidak mahu lagi mengharapkan anak-anaknya. Dia harus segera mengajarkan kepada masyarakat.

Pertemuan dengan generasi muda seperti Ahmad telah **membangkitkan** semangatnya untuk terus berjuang dan memikirkan cara-cara yang lebih inovatif bagi memupuk minat lukisan batik dalam kalangan anak-anak muda. Dia berharap usaha kecilnya ini akan berterusan melalui Ahmad.

Pak Suratman tersenyum kerana dia yakin telah mendapatkan penggantinya.

## Renungan

Jika golongan muda tidak berminat dan tiada usaha untuk memikat mereka mengenali seni membatik, pasti khazanah peninggalan silam ini akan punah dan dilupakan suatu masa nanti.

Apakah renungan kamu mengenai usaha Pak Suratman untuk melatih lebih ramai orang untuk mempelajari seni membatik?

## Glosari

1. **menceburkan** – melibatkan, berkecimpung
2. **pupus** – habis semua sekali, hilang lenyap, binasa
3. **bangsal** – rumah panjang, tempat panjang yang beratap
4. **kelibat** – rupa seseorang atau sesuatu yang kelihatan sepintas lalu sahaja
5. **menerjah** – datang, masuk atau hadir secara tiba-tiba. Makna lain ialah melanggar atau merempuh dengan kasar
6. **ketulusan** – keikhlasan
7. **warisan** – peninggalan, sesuatu yang ditinggalkan atau diperturunkan
8. **membangkitkan** – menaikkan, mendorong, merangsang



## SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,  
Selasih tumbuh di hujung taman;  
Kalungan budi junjungan kasih,  
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Benih** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi murid di sekolah rendah di Singapura.





Ministry of Education  
SINGAPORE

